

Sekitar Majlis Berbuka Puasa Naib Canselor Bersama Pemimpin Pelajar dan Majlis Penyampaian Zakat oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNS) serta Pelancaran Tabung Mangsa Banjir Pakistan bertempat di EDC UUM baru-baru ini.

UUM ONLINE: Pemimpin dan persatuan pelajar di Universiti Utara Malaysia (UUM), digalakkan berfikir di luar kotak sebelum menganjurkan mana-mana program supaya program yang dianjurkan mempunyai *hight impact* sekali gus dapat menaikkan reputasi universiti.

Mereka diminta mempunyai kemahiran insaniah (*soft-skills*) yang merupakan kemahiran generik merentasi pelbagai aspek pembelajaran seseorang individu dan kerja berkumpulan yang perlu dikuasai oleh graduan untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan dan menjadi pekerja yang berkesan dalam pelbagai organisasi.

Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, pelajar juga diminta memberi penekanan kepada aspek komunikasi terutama berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

Katanya, ini kerana banyak kursus yang diajar di universiti ini menggunakan bahasa Inggeris selain memudahkan graduan untuk memperolehi pekerjaan apabila mampu menguasai bahasa Inggeris atau bahasa asing lain.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Berbuka Puasa Naib Canselor Bersama Pemimpin Pelajar dan Majlis Penyampaian Zakat oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNS) serta Pelancaran Tabung Mangsa Banjir Pakistan bertempat di EDC UUM anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UUM, baru-baru ini.

Selain itu, Mustafa berkata, penguasaan berbahasa Inggeris dalam kalangan pelajar tempatan membolehkan mereka berkomunikasi dengan lebih baik dan mesra dengan pelajar antarabangsa yang menuntut di universiti ini.

Mustafa berkata, antara program yang boleh meningkatkan kemahiran insaniah ialah penglibatan pelajar dalam program Bakti Siswa yang sering dijalankan oleh pihak universiti dalam usaha membolehkan pelajar menyumbangkan khidmat bakti kepada masyarakat.

Program itu dapat meningkatkan cara berinteraksi di antara satu sama lain dan melahirkan modal insan yang cemerlang selain memupuk kemahiran kerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar.

"Saya lihat program Bakti Siswa juga mampu melatih pelajar berkomunikasi dengan baik sebagai contoh, mereka menggunakan bahasa yang sopan dan berhemah ketika bertutur dengan orang lebih tua yang terbabit dalam program itu," katanya.

Sementara itu, dalam majlis yang sama, PNS melalui Pengarah Urusannya, Syed Kamarulzaman Syed Zainal Khokhi menyampaikan zakat RM20,000 kepada Naib Canselor UUM untuk diagihkan kepada mereka yang memerlukan di kampus ini.

Habis.